

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Title : PERASMIAN HARI WANITA DAERAH KUBANG PASU,
Location : DAERAH KUBANG PASU JITRA, KEDAH
Date : 24-10-1981

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saudari Pengerusi Majlis,

Puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada Jawatankuasa Hari Wanita Daerah Kubang Pasu, kerana memberi penghormatan kepada saya untuk memberi ucapan dalam Majlis yang meriah ini.

2. Saya percaya Majlis seumpama ini bukanlah pertama kali diadakan di sini. Ianya adalah lanjutan dari usaha-usaha yang telah berjalan sejak beberapa tahun yang lalu. Saya berharap usaha-usaha baik ini akan dapat dikekalkan sebagai satu daripada aktiviti-aktiviti untuk membimbing wanita-wanita dan pertumbuhan-pertumbuhan wanita di Daerah ini supaya terus maju dalam berbagai bidang.

Saudari-Saudari sekalian,

3. Semenjak kita mencapai kemerdekaan 24 tahun yang lalu, negara kita telah mencapai berbagai kejayaan. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan telah meningkatkan lagi taraf hidup rakyat keseluruhannya. Jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain kemajuan yang kita capai ini amatlah pesat sekali. Di samping itu juga kita telah mencapai kemajuan di dalam berbagai bidang seperti pelajaran, perubatan, kesihatan dan lain-lain. Kaum wanita juga tidak ketinggalan dan terus maju di dalam beberapa lapangan. Kaum wanita sekarang menjawat berbagai-bagai jawatan penting dan menceburi diri dalam berbagai bidang pekerjaan. Selain daripada bergiat cergas dan mencapai kemajuan di dalam bidang-bidang tertentu kaum wanita kita juga tidak mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai kaum ibu dan suri rumahtangga. Kaum wanita di negera ini telah memainkan peranan mereka dengan berkesan serta dapat memberi sumbangan membina ke arah pembangunan negara.

4. Kejayaan kaum wanita ini juga jelas terbukti di kawasan kita ini. Sepertimana kita maklum, wanita-wanita di kawasan ini bekerja di dalam berbagai bidang sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah, di hospital dan di kelinik-kelinik. Selain daripada itu kaum wanita di daerah ini giat cergas dalam pertumbuhan sukarela dan kerja-kerja kebajikan. Saya merasa bangga di atas kejayaan ini dan berharap puan-puan dapat meningkatkan lagi usaha-usaha ini demi kebaikan dan kemajuan masyarakat di kawasan ini.

5. Kejayaan yang dicapai oleh kaum wanita pada keseluruhannya adalah menggalakkan. Tetapi pada hemat saya, kaum wanita tidaklah seharusnya berpuashati dengan pencapaian ini. Kaum wanita mestilah berusaha dengan lebih gigih lagi supaya kemajuan yang ada sekarang ini dapat ditingkatkan lagi untuk kebaikan kaum wanita, masyarakat dan negara. Sepertimana yang telah dibuktikan di masa-masa lalu kaum wanita di negara ini mempunyai keupayaan dan kebolehan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Saudari-saudari sekalian.

6. Tema Hari Wanita pada tahun ini, telah menunjukkan kewibawaan dan kematangan dalam pengendalian pertumbuhan-pertumbuhan wanita dengan peranan-peranan dan aktiviti-aktiviti masing-masing. Amat bersesuaian sekali dengan tajuknya iaitu " KEWAJIPAN DAN TANGGUNGJAWAB PERTUBUHAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA DAN KEMAJUAN RAKYAT MALAYSIA". Dengan maksud tema ini, berertilah peranan pertumbuhan wanita perlu ditingkatkan ke tahap yang boleh memberi nafas kepada sumbangan ke arah pembangunan Negara demi kepentingan dan kemajuan Rakyat keseluruhannya.

7. Negara kita sekarang ini sedang pesat membangun. Kemajuan yang kita capai ini adalah hasil dari dasar-dasar Kerajaan dan kerjasama yang diberikan oleh rakyat. Setiap golongan masyarakat mempunyai peranan mereka masing-masing untuk memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Dalam hal ini kaum wanita juga mempunyai tanggungjawab dan peranan yang besar dan penting dalam usaha-usaha mencapai matlamat-matlamat negara. Saya percaya bahawa kaum wanita di negara ini akan terus memberi sumbangan positif mereka di dalam membantu usaha-usaha bagi mencapai objektif-objektif yang telah ditentukan.

8. Saya juga mengambil kesempatan ini, menyeru kaum wanita, supaya terus bergiat dalam bidang kerjaya (career) masing-masing dan juga di dalam lain-lain kegiatan wanita. Di samping itu kita juga hendaklah sedar tentang peranan kita sebagai ibu, peranan kita sebagai pendidik, peranan kita sebagai pembimbing dan sebagai wanita yang mempunyai nilai-nilai tertentu berlandaskan budaya dan ugama kita

Saudari Pengerusi dan para hadirin sekalian,

9. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Mengasihani, saya dengan sukacitanya merasmikan perhimpunan Hari Wanita Daerah Kubang Pasu Tahun 1981.

Terima kasih.